

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

YMT 301 - Kaedah Penyelidikan Komunikasi

Tarikh: 27 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
( 3 jam )

---

Jawab SEMUA soalan.

1. Secara ringkas, bezakan pasangan istilah-istilah penyelidikan berikut. Beri contoh untuk menerangkan jawapan anda.
  - a) sampel rambang mudah dan sampel kuota
  - b) pemerhatian obtrusif dan bukan obtrusif
  - c) statistik dan parameter
  - d) perambangan dan pemadanan
  - e) ralat pensampelan dan bias pensampelan

(30 markah)

- 2a. Berikut adalah beberapa contoh item dalam soalselidik. Nyatakan sama ada terdapat sebarang kelemahan pada item tersebut. Jelaskan apakah masalahnya, sekiranya ada. (Andaikan setiap item itu lengkap dan tidak bergantung kepada item-item lain.)
  - i) Ramai orang berpendapat bahawa iklan-iklan dalam media massa terlalu mengeksplorasi kaum wanita dan kanak-kanak dan mereka mahukan periklanan diharamkan. Adakah anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan mereka?  
(   ) setuju   (   ) tidak setuju   (   ) tidak tahu

...2/-

- ii) Bilakah anda mula menggunakan media massa?
- (    ) sebelum bersekolah  
(    ) ketika di sekolah rendah  
(    ) ketika di sekolah menengah  
(    ) setelah masuk ke universiti  
(    ) tidak berkenaan
- iii) Berapakah pendapatan anda? \$ \_\_\_\_\_
- iv) Mengapa anda memutuskan untuk melanjutkan pelajaran di universiti?
- (    ) Saya dahagakan ilmu pengetahuan.  
(    ) Saya mahukan pemahaman yang lebih baik mengenai dunia  
(    ) Saya malas untuk mencari pekerjaan
- v) Mengapakah anda berpendapat bahawa kod pakaian yang baru itu tidak baik untuk para pelajar?

(10 markah)

- b. Bincangkan kelebihan dan kelemahan analisis kandungan sebagai satu kaedah pengumpulan data?  
(10 markah)
- 3a. Bandingkan bagaimana rekabentuk eksperimen berikut mengatasi masalah ketidaksahtihan luaran seperti yang dibincangkan oleh Campbell dan Stanley.
- i) rangka eksperimen klasik  
ii) rangka empat kumpulan Solomon
- b. Adakah ancaman terhadap kesahihan dalam terkawal bagi rangka eksperimen yang berikut: Beri alasan bagi jawapan anda.
- i) rangka satu kumpulan praujian-ujian semula  
ii) rangka eksperimen klasik

...3/-

- c. Campbell dan Stanley ada menyarankan bahawa praujian sebenarnya tidak diperlukan dalam eksperimen. Bincangkan mengapakah demikian dan dalam keadaan apa. Rajahkan rangka eksperimen yang tidak memerlukan praujian tersebut.

(20 markah)

4. Dalam satu tinjauan yang menggunakan pensampelan rambang mudah, seramai 450 responden telah ditemubual mengenai tabiat menonton televisyen mereka. 200 daripada responden mengatakan mereka tidak menonton rancangan RTM. Taburan kekerapan responden kepada soalan mengapa mereka tidak menonton rancangan RTM adalah seperti berikut:

<u>Sebab Tidak Menonton</u> <u>Rancangan RTM</u>	<u>Kekerapan</u>
Rancangan TV3 lebih menarik	90
Lebih suka menonton video	75
Sebab-sebab lain	35
	_____
	200
	_____

Anda dikehendaki membuat kesimpulan mengenai populasi yang relevan berdasarkan data di atas. Jawapan mestilah khusus di samping mudah difahami oleh seseorang yang tidak begitu biasa dengan penyelidikan sains sosial.

(10 markah)

...4/-

5. Kebanyakan penulisan mengenai perhubungan antara tahap pendidikan dan sikap terhadap perubahan sosial menyarankan bahawa pengalaman pembelajaran membuatkan individu lebih mudah menerima atau bersikap lebih positif terhadap perubahan. Kita boleh menguji 'teori' ini dengan melihat kesan peningkatan tahap pendidikan ke atas sikap terhadap perubahan sosial, yang dalam kajian kita digambarkan oleh penswastaan perkhidmatan telefon.

Dalam jadual berikut, responden telah dikategorikan sebagai "tinggi" atau "rendah" dalam tahap pendidikan dan sebagai "menyokong" atau "tidak menyokong" penswastaan telefon.

<u>Sikap terhadap penswastaan</u>	<u>Tahap pendidikan</u>	
	Rendah	Tinggi
Menyokong	40%	60%
Tidak menyokong	60%	40%
N	(200)	(400)

- Nyatakan hipotesis nul dan hipotesis kajian untuk pengujian ini.
- Uji hipotesis yang relevan dengan menggunakan Ujian Perbezaan Kekadaran (Difference of Proportion Test).

(20 markah)

-000000000-